

Jenis Akhbar : Bernama Online
Tarikh : 15/02/2018
Edisi / Muka Surat : www.bernama.com

Koperasi Perlu Dijenamakan Semula Bagi Tingkatkan Keyakinan Pengguna

Tarikh kemaskini: 15/02/2018

KLANG, 15 Feb (Bernama) -- Koperasi perlu dijenamakan semula bagi meningkatkan keyakinan orang ramai terhadap barangan dan perkhidmatan yang ditawarkan, kata Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Katanya penjenamaan semula itu penting berikutan sehingga kini terdapat stigma dalam kalangan masyarakat yang beranggapan barangan dan perkhidmatan keluaran koperasi adalah tidak setanding atau kurang berkualiti jika dibandingkan dengan syarikat lain.

"Ramai tidak mengetahui Dutch Lady yang menjual pelbagai produk susu di sini merupakan sebuah syarikat milik koperasi peladang di Belanda, begitu juga beberapa lagi barangan keluaran syarikat antarabangsa yang dijual di sini. Produk koperasi ini dapat menarik perhatian pengguna berikutan jenama perniagaan yang digunakan bagi semua keluaran produknya.

"Pemilikan koperasi itu tidak berubah cuma jenama perniagaan menjadi identiti baharu kepada produk koperasi, saya cuma mencadangkan namun ia terserah kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) untuk menilainya," katanya dalam sidang akhbar selepas menyempurnakan penutupan Konvesyen Hala Tuju Koperasi Orang Asli peringkat kebangsaan di sini hari ini.

Turut hadir Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd. (Angkasa), Datuk Abdul Fattah Abdullah dan Anggota Dewan Negara yang mewakili Orang Asli, Isa Ab Hamid.

Mengulas koperasi Orang Asli, Ismail Sabri menyarankan supaya koperasi berkenaan menceburi bidang pelancongan desa, terutama inap desa yang berpotensi besar.

"Koperasi Orang Asli yang ada sekarang kebanyakannya tertumpu kepada sektor perladangan dan tidak kepada sektor pelancongan yang mampu beri keuntungan besar dengan modal yang sedikit.

"Inap desa merupakan antara produk pelancongan yang perlu diterokai oleh koperasi Orang Asli. Saya percaya ramai masyarakat di luar sana yang berminat untuk merasai cara hidup dan budaya masyarakat Orang Asli yang pelbagai di negara kita, termasuk pelancong luar negara," katanya.

Jelas Ismail Sabri, inap desa tidak memerlukan modal yang besar kerana tujuannya adalah untuk memberi peluang kepada pelancong merasai sendiri kehidupan harian masyarakat Orang Asli.

Kata beliau lagi, kementeriannya melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli telah meletakkan sasaran sebanyak 20 koperasi Orang Asli mempunyai pemerolehan atau aset bernilai RM20 juta pada tahun 2020.

"Setakat ini terdapat 94 buah koperasi Orang Asli dengan 88 daripadanya koperasi jenis mikro berpendapatan RM200,000, lima koperasi kecil berpendapatan RM200,000 hingga RM1 juta serta sebuah koperasi sederhana berpendapatan RM1 juta hingga RM5 juta," katanya.

-- BERNAMA